



12 September 2025
12 September 2025
P.U. (A) 335

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN PEMEGANG LESEN
(PINDAAN) 2025

LICENSEE SUPPLY (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN PEMEGANG LESEN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025.

Penggantian peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 [P.U. (A) 384/1990], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

"Tafsiran. 2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"voltan rendah" ertinya suatu voltan yang biasanya melebihi 50 volt arus ulang-alik atau 120 volt arus terus antara konduktor atau antara konduktor dengan bumi, tetapi tidak melebihi 1,000 volt arus ulang-alik atau 1,500 volt arus terus antara konduktor atau 600 volt arus ulang-alik atau 900 volt arus terus antara konduktor dengan bumi;

"voltan sederhana" ertinya suatu voltan yang biasanya melebihi 1,000 volt arus ulang-alik atau 1,500 volt arus terus antara konduktor atau 600 volt arus ulang-alik atau 900 volt arus terus antara konduktor dengan bumi, tetapi tidak melebihi 50,000 volt;

"voltan tinggi" ertinya suatu voltan yang biasanya melebihi 50,000 volt tetapi tidak melebihi 230,000 volt."

Peraturan baharu 2A, 2B dan 2C

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 2 peraturan yang berikut:

"Permintaan bagi pembekalan elektrik.

2A. Suatu permintaan oleh pemunya atau penduduk mana-mana premis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemunya atau penduduk bagi pembekalan elektrik kepada premis itu mengikut subseksyen 24(2) Akta hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh pemegang lesen bagi maksud itu.

Maklumat atau dokumen tidak benar, tidak tepat, dsb.

2B. (1) Jika pemegang lesen mendapati bahawa maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh pemunya atau penduduk mana-mana premis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemunya atau penduduk bagi pembekalan elektrik kepada premis itu di bawah peraturan 2A adalah tidak benar, tidak tepat atau tidak lengkap, pemegang lesen boleh menolak permintaan bagi pembekalan elektrik itu.

(2) Dalam hal keadaan jika pembekalan elektrik telah diberikan oleh pemegang lesen dan jika pemegang lesen mendapati, pada bila-bila masa selepas itu, maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh pemunya atau penduduk premis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemunya atau penduduk bagi pembekalan elektrik kepada premis itu di bawah subperaturan 2A adalah tidak benar, tidak tepat atau

tidak lengkap, pemegang lesen boleh memberhentikan pembekalan itu.

Tanggungjawab pemegang lesen dan pengguna.

2C. (1) Apa-apa talian bekalan, loji elektrik atau kelengkapan elektrik yang disediakan di premis pengguna oleh mana-mana orang lain selain pemegang lesen hendaklah menjadi tanggungjawab pengguna.

(2) Apabila diminta oleh pengguna, pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk menjadikan tersedia kepada pengguna apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pembekalan voltan bagi beban penyambungan berlainan atau apa-apa penyambungan baharu.”.

Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “electricicity” dengan perkataan “electricity”; dan
- (b) dalam subperenggan (5)(a), dengan memotong perkataan “, atau pada mana-mana premis lain yang diduduki oleh pengguna itu,”.

Pindaan peraturan 4

5. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Bil berkenaan dengan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang lesen—

- (a) hendaklah diberikan oleh pemegang lesen kepada pengguna secara bulanan, berdasarkan pengunyahabisan elektrik pengguna bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua puluh lapan hari dan tidak lebih daripada tiga puluh satu hari; dan
- (b) hendaklah dibayar oleh pengguna dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengemukaannya kepada pengguna.”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:
- “(1A) Selain jumlah yang kena dibayar kepada pemegang lesen di bawah subperaturan (1), bil itu boleh mengandungi apa-apa tarif dan caj yang ditentukan oleh Suruhanjaya mengikut subseksyen 26(1) Akta.”;
- (c) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:
- “(2) Sekiranya berlaku keingkaran pembayaran oleh pengguna bagi jumlah yang kena dibayar kepada pemegang lesen apabila habisnya tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b)—
- (a) pemegang lesen hendaklah memberhentikan pembekalan elektrik di premis pengguna—
- (i) dengan mengeluarkan suatu notis kepada pengguna mengenai niat untuk memberhentikan pembekalan elektrik di premis pengguna itu;

- (ii) notis itu hendaklah dikeluarkan tidak lewat daripada empat belas hari dari habisnya tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b);
 - (iii) notis itu hendaklah menyatakan alasan bagi pemberhentian pembekalan elektrik di premis pengguna itu dan tarikh yang dicadangkan bagi pemberhentian itu, yang hendaklah tidak boleh lebih awal daripada tujuh hari bekerja dari tarikh notis itu dikeluarkan; dan
 - (iv) notis itu hendaklah disampaikan mengikut subperaturan (2A); dan
- (b) pemegang lesen hendaklah menuntut daripada pengguna sehingga enam bulan jumlah yang belum berbayar yang kena dibayar kepada pemegang lesen.”;
- (d) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Pemegang lesen hendaklah menyampaikan notis yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) mengikut cara yang berikut:

- (a) jika pengguna itu ialah seorang individu;
 - (i) dengan memberikan notis itu dengan sendiri kepada pengguna;
 - (ii) dengan memberikan notis itu dengan sendiri kepada mana-mana anggota keluarga pengguna yang dewasa atau

mana-mana pekhidmat pengguna yang menetap dengannya, di tempat kediamannya yang biasa atau yang akhir sekali diketahui;

(iii) dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada pengguna di tempat kediamannya yang biasa atau yang akhir sekali diketahui;

(iv) dengan mengepilkan notis itu kepada bil bagi bulan yang berikutnya yang dihantar ke alamat pengguna sebagaimana yang dinyatakan dalam bil; atau

(v) dengan menghantar notis itu kepada alamat mel elektronik pengguna; atau

(b) jika pengguna itu ialah suatu syarikat, suatu perkongsian liabiliti terhad, suatu firma, suatu pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain:

(i) dengan memberikan notis itu kepada setiausaha atau pegawai lain bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain, di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan utama syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain itu;

- (ii) dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain, di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan utama syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain itu;
- (iii) dengan mengepilkan notis itu kepada bil bagi bulan yang berikutnya yang dihantar ke alamat syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain itu sebagaimana yang dinyatakan dalam bil; atau
- (iv) dengan menghantar notis itu ke alamat mel elektronik syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain.

(2B) Apa-apa pemberhentian pembekalan elektrik di suatu premis pengguna di bawah subperaturan (2) tidak boleh dijalankan oleh pemegang lesen pada hari kelepasan mingguan atau kelepasan am.”;

- (e) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “di pejabat sebagaimana yang dinyatakan pada bil, yang telah diberikuasa oleh pemegang lesen untuk menerima wang itu” dengan perkataan “dalam apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam bil”;

(f) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Bagi maksud mengeluarkan bil di bawah peraturan ini, sekiranya dalam keadaan yang mustahil bagi pemegang lesen untuk membaca meter disebabkan hal keadaan yang berikut:

- (a)* pagar berkunci;
- (b)* pintu berkunci;
- (c)* pemunya premis atau ejennya tidak memberi kebenaran masuk;
- (d)* meter dihalang daripada penglihatan biasa;
- (e)* jika cermin gelas tidak bersih, tidak jelas atau kabur disebabkan perbuatan pengguna;
- (f)* hal keadaan adalah di luar kawalan pemegang lesen seperti bencana semula jadi, laluan ke premis dihalang disebabkan rusuhan, kekecohan atau mogok; atau
- (g)* apa-apa hal keadaan lain yang membahayakan keselamatan pemegang lesen,

pemegang lesen hendaklah mengeluarkan suatu bil kepada pengguna yang menyatakan anggaran jumlah yang kena dibayar kepada pemegang lesen berdasarkan rekod penggunahabisan pengguna dan sejarah bagi tiga bulan terdahulu berturut-turut dan membuat pelarasan yang perlu kepada akaun pengguna apabila bacaan meter yang sebenar diperoleh:

Dengan syarat bahawa, pemegang lesen hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk membaca meter apabila berdepan dengan hal keadaan sebagaimana yang dinyatakan.”;

(g) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(4A) Jika suatu bacaan meter di bawah subperaturan (4) jatuh pada hari kelepasan am, pemegang lesen hendaklah membaca meter pada hari bekerja yang berikutnya dan hendaklah mengira bacaan meter bagi hari kelepasan am itu sebagai sebahagian daripada bil yang dikeluarkan bagi bulan itu.”; dan

(h) dengan memasukkan selepas subperaturan (6) subperaturan yang berikut:

“(7) Pemegang lesen boleh mengguna pakai pengiraan sama rata kepada suatu bil yang dikeluarkan di bawah peraturan ini dalam hal keadaan seperti yang berikut:

(a) sekiranya tempoh pengebilan dikira mengikut subperaturan (4A), jumlah kilowatt jam pada setiap blok tarif hendaklah disamaratakan dengan mendarabkan bilangan hari yang dimasukkan dalam tempoh pengebilan itu dan dibahagikan dengan jumlah keseluruhan hari dalam purata sebulan yang akan dikira sebagai tiga puluh hari; atau

(b) sekiranya meter tidak boleh dibaca disebabkan hal keadaan yang dinyatakan dalam subperaturan (4), jumlah jam kilowatt pada setiap blok tarif hendaklah disamaratakan dengan mendarab bilangan hari yang dimasukkkkan dalam bil dengan anggaran jumlah yang kena dibayar dan bil bagi

bulan yang meter boleh dibaca, dan dibahagikan dengan jumlah keseluruhan hari dalam purata sebulan yang akan dikira sebagai tiga puluh hari.

(8) Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa pembekalan elektrik yang menggunakan meter prabayar.”.

Pindaan peraturan 5

6. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Deposit” dengan perkataan “Cagaran”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “jika ada” perkataan “, sebagai cagaran”;
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Deposit boleh” dengan perkataan “Cagaran boleh”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “deposit tersebut” dengan perkataan “cagaran tersebut”;
- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Deposit itu hendaklah merupakan cagaran dan bukannya bayaran dahulu” dengan perkataan “Cagaran itu bukanlah suatu bayaran dahulu”;
- (e) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “deposit” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “cagaran”;

(f) dalam subperaturan (5)—

(i) dengan menggantikan perkataan “deposit” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “cagaran”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “rebet” dengan perkataan “bunga tahunan”;

(g) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “deposit” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “cagaran”; dan

(h) dengan memasukkan selepas subperaturan (6) subperaturan yang berikut:

“(7) Sekiranya pemegang lesen memberhentikan operasinya disebabkan lesennya habis tempoh atau ditamatkan, pemegang lesen hendaklah memulangkan kepada pengguna cagaran berserta dengan bunga tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh habis tempoh atau penamatan lesen itu.”.

Pindaan peraturan 6A

7. Subperaturan 6A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh empat jam notis” dengan perkataan “empat puluh lapan jam suatu notis”.

Pindaan peraturan 7

8. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pegawai yang diberikuasa” dengan perkataan “orang atau pegawai yang diberi kuasa”.

Pindaan peraturan 8

9. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pegawai yang diberikuasa” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang atau pegawai yang diberi kuasa”.

Pindaan peraturan 9

10. Subperaturan 9(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pegawai yang diberikuasa” dengan perkataan “orang atau pegawai yang diberi kuasa”.

Pindaan peraturan 10

11. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pegawai yang diberi kuasa” dengan perkataan “mana-mana orang atau pegawai yang diberi kuasa”; dan

(ii) dalam perenggan (a) dan (b), dengan menggantikan perkataan “pegawai itu” dengan perkataan “orang atau pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pegawai” dengan perkataan “orang atau pegawai yang diberi kuasa oleh pemegang lesen”.

Pindaan peraturan 11

12. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “tenaga” dengan perkataan “elektrik”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

- (ii) dalam perenggan *(f)*, dengan menggantikan perkataan “pemasangan yang salah,” dengan perkataan “pemasangan meter yang salah;”;
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(f)* perenggan yang berikut:
 - “(g) pengebilan yang salah; atau
 - (h) kegagalan komunikasi dalam hal suatu meter pintar atau suatu meter yang dipasang dengan fungsi telepemeran,”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “keadaan caj terkurang atau terlebih tersebut:” dengan perkataan “keadaan caj terkurang atau terlebih itu.”; dan
- (v) dengan memotong proviso;
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika seseorang pengguna telah dicaj terkurang atau terlebih di bawah subperaturan (2), pemegang lesen hendaklah memaklumkan pengguna dengan menyampaikan suatu notis bertulis serta merta selepas menyedari keadaan caj terkurang atau terlebih itu.

(2B) Tertakluk kepada subperaturan (2)—

 - (a) dalam hal keadaan caj terkurang, pelarasan secara ke belakang hendaklah dibuat bermula dari tarikh notis yang disebut dalam subperaturan (2A) disampaikan kepada pengguna, bagi suatu tempoh sehingga tiga bulan ke belakang; dan

- (b) dalam hal keadaan caj terlebih, pelarasan secara ke belakang hendaklah dibuat bermula dari tarikh berlakunya keadaan terlebih caj itu.

(2C) Suruhanjaya boleh tidak membenarkan apa-apa pelarasan secara ke belakang jika—

- (a) keadaan terkurang caj berlaku disebabkan kecuaiian atau salah laku pemegang lesen; atau
- (b) keadaan terlebih caj berlaku disebabkan kecuaiian atau salah laku pengguna.

(2D) Apa-apa pelarasan secara ke belakang yang dibuat di bawah subperaturan (2) tidak boleh dimasukkan dalam bil yang dikeluarkan kepada pengguna.”;

- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “tenaga” dengan perkataan “elektrik”;

- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa hal atau keadaan yang berhubungan dengan kesalahan di bawah subseksyen 37(1), (3) atau (14) atau seksyen 38 Akta.”; dan

- (f) dalam subperaturan (4), (5) dan (6), dengan memasukkan selepas perkataan “tarif” di mana-mana jua terdapat perkataan “dan caj”.

Pindaan peraturan 12

13. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “ditentukan oleh pemegang lesen” dengan perkataan “ditentukan oleh Suruhanjaya”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “melebihi daripada tiga peratus” dengan perkataan “kurang daripada negatif tiga peratus dan lebih daripada tiga peratus”; dan
- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “tenaga” dengan perkataan “elektrik”.

Pindaan peraturan 13

14. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “pemunya berdaftar” perkataan “mana-mana tanah,”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “suatu ruang,” perkataan “mana-mana kawasan tanah,”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Apa-apa pemasangan yang ditempatkan oleh pemegang lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi tanggungjawab pemegang lesen.”; dan

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “sesalur Tegangan Tinggi atau Tegangan Rendah” dengan perkataan “sesalur voltan tinggi, voltan sederhana atau voltan rendah”.

Peraturan baharu 13A

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 13 peraturan yang berikut:

“Meter prabayar, meter pintar dan telepemeteran.

13A. (1) Apabila suatu meter prabayar dipasang di premis pengguna, pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa meter prabayar itu dapat memberi amaran kepada pengguna apabila baki prabayar telah mencapai suatu ambang minimum.

(2) Melainkan jika pengguna membuat pembayaran kepada pemegang lesen untuk meneruskan bekalan elektrik, pemegang lesen boleh memberhentikan bekalan elektrik di premis pengguna selepas unit atau kredit yang dibeli telah digunakan sepenuhnya dan unit atau kredit kecemasan yang dibenarkan telah dihabiskan tanpa apa-apa notis lanjut.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengenakan caj kepada pengguna bagi bekalan elektrik selepas hari yang unit atau kredit yang dibeli itu telah digunakan sepenuhnya sehingga bekalan elektrik itu diberhentikan.

(4) Caj yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah dimasukkan kepada unit atau kredit yang dibeli oleh pengguna semasa penyambungan semula bekalan elektrik.

(5) Dalam hal meter pintar atau meter yang dipasang dengan fungsi telepemeran, pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan bahawa tiada perubahan dibuat kepada metrologi meter pintar atau meter yang dipasang dengan fungsi telepemeran melalui sistem komunikasi;
- (b) bertanggungjawab untuk menjaga integriti bagi semua data yang disampaikan dan disimpan ke pusat data dalam sistem;
- (c) memastikan bahawa paparan daftar pada meter pintar atau meter yang dipasang dengan fungsi telepemeran membolehkan pengguna mengesahkan penggunahabisan elektriknya;
- (d) memastikan keselamatan data; dan
- (e) memastikan bahawa proses pemberhentian jarak jauh dilaksanakan dengan sewajarnya dengan pemberitahuan yang berpatutan kepada pengguna sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta.”.

Pindaan Jadual

16. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Borang A dengan borang yang berikut:

“Borang A
[Subperaturan 6A(1)]

MALAYSIA

NEGERI

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Kepada:

.....
.....

Tuan/Puan/Cik/Tetuan,

NOTIS PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 38(1)

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

Sila ambil perhatian bahawa pada (tarikh) pada (masa), suatu pemeriksaan telah dilakukan terhadap pemasangan kami di premis anda. Daripada pemeriksaan itu, kami mendapati bahawa pemasangan tersebut telah diganggu atau diubah suai dalam bentuk dan cara yang dinyatakan seperti yang berikut:

.....
(nyatakan *modus operandi* kesalahan)

Berdasarkan keterangan di atas, pihak kami berpandangan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (“Akta”) seperti yang berikut:

- Subseksyen 37(1)*

☐ mengganggu atau melaraskan apa-apa pemasangan atau bahagiannya atau mengilang atau mengimport atau menjual apa-apa kelengkapan sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau anggota badan manusia atau kerosakan pada mana-mana kelengkapan atau harta lain;

- Subseksyen 37(3)*

Mengikut apa-apa cara dengan curang—

☐ mengambil elektrik;

☐ mengguna habis elektrik;

☐ menggunakan elektrik;

☐ mengubah pinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan mana-mana pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pemasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik; atau

☐ menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sepenuhnya keluaran atau penggunahabisan elektrik;

- Subseksyen 37(14)*

☐ merosakkan atau mengalihkan apa-apa meter atau alat lain yang digunakan atas atau berkaitan dengan mana-mana pemasangan berlesen bagi merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik;

Sila ambil perhatian bahawa di bawah subseksyen 38(1) Akta, anda dengan ini diberi notis bahawa bekalan elektrik di premis seperti di atas akan dipotong pada (tarikh) pada (masa).

Suatu penyambungan semula bekalan elektrik berhubung dengan bekalan elektrik yang dipotong itu akan dibuat kepada premis tersebut pada (tarikh) pada (masa).

Sila ambil perhatian juga bahawa pihak kami akan membuat tuntutan apa-apa kerugian dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak kami disebabkan kesalahan yang dilakukan sebagaimana yang disebutkan di atas. Pihak kami akan mengemukakan suatu pernyataan tuntutan kepada anda dalam masa yang wajar.

Nama Pemegang Lesen :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

*Tandakan ☒ bagi kesalahan/ kesalahan-kesalahan yang berkenaan.”.

Dibuat pada 2 September 2025

[PETRA.BBE.100-1/3/2 JILID.1(4)(S); PN(PU2)486/JLD.8]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990

LICENSEE SUPPLY (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 53 of the Electricity Supply Act 1990 [Act 447], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Licensee Supply (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2025.

Substitution of regulation 2

2. The Licensee Supply Regulations 1990 [P.U. (A) 384/1990], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 2 the following regulation:

“Interpretation. 2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“low voltage” means a voltage normally exceeding 50 volts alternating current or 120 volts direct current between conductors or between conductor and earth, but not exceeding 1,000 volts alternating current or 1,500 volts direct current between conductors or 600 volts alternating current or 900 volts direct current between conductor and earth;

“medium voltage” means a voltage normally exceeding 1,000 volts alternating current or 1,500 volts direct current between conductors or 600 volts alternating

current or 900 volts direct current between conductor and earth, but not exceeding 50,000 volts;

“high voltage” means a voltage normally exceeding 50,000 volts but not exceeding 230,000 volts.”.

New regulations 2A, 2B and 2C

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 2 the following regulations:

“Request for
supply of
electricity.

2A. A request by an owner or occupier of any premises or any person authorized by the owner or occupier for a supply of electricity to such premises in accordance with subsection 24(2) of the Act shall be accompanied with any information or document as may be required by the licensee for that purposes.

Information
or document
not true,
inaccurate,
etc.

2B. (1) If it appears to the licensee that the information or documents submitted by the owner or occupier of any premises or any person authorized by the owner or occupier for a supply of electricity to such premises under regulation 2A is not true, inaccurate or incomplete, the licensee may reject the request for the supply of electricity.

(2) In the case where the supply of electricity has been given by the licensee and if it appears to the licensee, at any time after that, the information or documents submitted by the owner or occupier of the premises or any person authorized by the owner or occupier for a supply of electricity to such premises under regulation 2A is not true, inaccurate or incomplete, the licensee may discontinue such supply.

Responsibility
of licensee and
consumer.

2c. (1) Any supply line, electrical plant or electrical equipment provided at the premises of a consumer by any person other than the licensee shall be the responsibility of the consumer.

(2) Upon request by the consumer, the licensee shall be responsible to make available to the consumer any information relating to supply of voltage for different connected loads or any new connection.”.

Amendment of regulation 3

4. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

- (a) in the English text, in subregulation (1), by substituting for the word “electricicity” the word “electricity”; and
- (b) in subparagraph (5)(a), by deleting the words “, or to any other premises occupied by the consumer,”.

Amendment of regulation 4

5. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Bills in respect of amounts due to the licensee—

- (a) shall be rendered by the licensee to the consumer monthly, based on the consumer’s consumption of electricity for a period of not less than twenty-eight days and not more than thirty-one days; and

(b) shall be paid by the consumer within thirty days of its presentation to the consumer.”;

(b) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Other than the amounts due to the licensee under subregulation (1), the bill may contain any tariffs and charges determined by the Commission in accordance with subsection 26(1) of the Act.”;

(c) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) In the event of default of payment by the consumer of the amounts due to the licensee at the expiry of the period specified in paragraph (1)(b)—

(a) the licensee shall discontinue the supply of electricity at the consumer's premises—

(i) by issuing a notice to the consumer on the intention to discontinue the supply of electricity at the consumer's premises;

(ii) such notice shall be issued not later than fourteen days from the expiry of the period specified in paragraph (1)(b);

(iii) such notice shall state the reasons for the discontinuation of supply of electricity at the consumer's premises and the proposed date for such discontinuation, which shall not be earlier than seven working days from the date such notice is issued; and

- (iv) such notice shall be served in accordance with subregulation (2A); and
 - (b) the licensee shall claim from the consumer up to six months of unpaid amounts due to the licensee.”.
- (d) by inserting after subregulation (2) the following subregulations:

“(2A) The licensee shall serve the notice issued under subregulation (2) in the following manner:

- (a) if the consumer is an individual:
 - (i) by giving the notice personally to the consumer;
 - (ii) by giving the notice personally to any adult member of the consumer’s family or any of the consumer’s servants residing with him, at his usual or last known place of residence;
 - (iii) by sending the notice by registered post to the consumer at his usual or last known place of residence;
 - (iv) by attaching the notice to the bill for the following month that is sent to the address of the consumer as stated on the bill; or
 - (v) by sending the notice to the electronic mail address of the consumer; or

(b) if the consumer is a company, a limited liability partnership, a firm, a society, an association or other body of persons:

- (i) by giving the notice to the secretary or other officer of the company, limited liability partnership, firm, society, association or other body of persons, at its registered office or principal place of business;
- (ii) by sending the notice by registered post to the company, limited liability partnership, firm, society, association or other body of persons, at its registered office or principal place of business;
- (iii) by attaching the notice to the bill for the following month that is sent to the address of the company, limited liability partnership, firm, society, association or other body of persons as stated on the bill; or
- (iv) by sending the notice to the electronic mail address of the company, limited liability partnership, firm, society, association or other body of persons.

(2B) Any discontinuation of supply of electricity at a consumer's premises under subregulation (2) shall not be carried out by a licensee on a weekly holiday or public holiday.”;

(e) in subregulation (3), by substituting for the words “at the office as stated on the bill, which has been authorised by the licensee to receive such monies” the words “in any manner as specified on the bill”;

(f) by substituting for subregulation (4) the following subregulation:

“(4) For the purposes of issuing a bill under this regulation, in the event it is not possible for the licensee to read the meter due to the following circumstances:

(a) the gate is locked;

(b) the door is locked;

(c) the owner of the premises or its agent denies entry;

(d) the meter is blocked from normal sight;

(e) where the meter glass is not clean, not clear or foggy due to the consumer’s act;

(f) the circumstances are beyond the licensee’s control such as natural disaster, passage to the premise is blocked due to riot, commotion or strike; or

(g) any other circumstances that would endanger the safety of licensee,

the licensee shall issue a bill to the consumer stating the estimated amounts due to the licensee based upon the consumer’s consumption record and history for the previous three month consecutively and

make the necessary adjustment to the consumer's account when the actual meter reading is obtained:

Provided that, the licensee shall take all reasonable measures to read the meter when facing the circumstances as specified.”;

(g) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(4A) If a meter reading under subregulation (4) falls on a public holiday, the licensee shall read the meter on the next working day and shall calculate the meter reading for that public holiday to be part of the bill issued for that month.”; and

(h) by inserting after subregulation (6) the following subregulations:

“(7) The licensee may apply a pro rate calculation to a bill issued under this regulation in the following circumstances:

(a) in the event the billing period is calculated in accordance with subregulation (4A), the number of kilowatt hours in each of the tariff block shall be prorated by multiplying with the number of days included in the billing period and divided by the total days in an average month which will be taken as thirty days; or

(b) in the event that the meter cannot be read due to the circumstances specified in subregulation (4), the number of kilowatt hours in each of the tariff block shall be prorated by multiplying with the number of days included in the bill with estimated amounts due and the bill for the month when the meter can be read, and divided by the total days in

an average month which will be taken as thirty days.

(8) This regulation shall not apply to any supply of electricity using a prepaid meter.”.

Amendment of regulation 5

6. Regulation 5 of the principal Regulations is amended—

- (a) in the marginal note, by substituting for the word “Deposit” the word “Security”;
- (b) in subregulation (1), by inserting after the words “if any” the words “, as security”;
- (c) in subregulation (2)—
 - (i) by substituting for the words “deposit may” the words “security may”; and
 - (ii) by substituting for the words “said deposit” the words “said security”;
- (d) in subregulation (3), by substituting for the words “The deposit shall be a security and not a payment in advance” the words “The security shall not be a payment in advance”;
- (e) in subregulation (4), by substituting for the word “deposit” wherever appearing the word “security”;

(f) in subregulation (5)—

(i) by substituting for the word “deposit” wherever appearing the word “security”; and

(ii) by substituting for the words “a rebate” the words “an annual interest”;

(g) in subregulation (6), by substituting for the word “deposit” wherever appearing the word “security”; and

(h) by inserting after subregulation (6) the following subregulation:

“(7) In the event the licensee ceases its operation due to the expiry or termination of its licence, the licensee shall return to the consumers the security together with the interest not later than thirty days after the date of such expiry or termination of the licence.”.

Amendment of regulation 6A

7. Subregulation 6A(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “twenty-four hours’ notice” the words “forty-eight hours’ a notice”.

Amendment of regulation 7

8. Regulation 7 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “officer authorized” the words “person or officer authorized”.

Amendment of regulation 8

9. Regulation 8 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “officer authorized” wherever appearing the words “person or officer authorized”.

Amendment of regulation 9

10. Subregulation 9(1) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “officer authorized” the words “person or officer authorized”.

Amendment of regulation 10

11. Regulation 10 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by substituting for the words “an officer authorized” the words “any person or officer authorized”; and

(ii) in paragraphs (a) and (b), by substituting for the words “the officer” the words “the person or officer authorized by the licensee”; and

(b) in subregulation (2), by substituting for the word “officer” the words “person or officer authorized by the licensee”.

Amendment of regulation 11

12. Regulation 11 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the word “energy” the word “electricity”;

(b) in subregulation (2)—

(i) in paragraph (e), by deleting the word “or” at the end of the paragraph;

(ii) in paragraph (f), by substituting for the words “faulty installation,” the words “faulty meter installation;”;

(iii) by inserting after paragraph (f) the following paragraphs:

- “(g) incorrect billing; or
- (h) communication failure in the case of a smart meter or a meter installed with telemetering functions.”;
- (iv) by substituting for the words “such undercharged or overcharged situation:” the words “such undercharged or overcharged situation.”; and
- (v) by deleting the proviso;
- (c) by inserting after subregulation (2) the following subregulations:

“(2A) If a consumer has been undercharged or overcharged under subregulation (2), the licensee shall inform the consumer by serving a written notice immediately upon the discovery of such undercharge or overcharge situation.

(2B) Subject to subregulation (2)—

- (a) in the case of an undercharged situation, the retrospective adjustments shall be made commencing from the date the notice referred to in subregulation (2A) is served to the consumer, for a period up to three months retrospectively; and
- (b) in the case of an overcharged situation, the retrospective adjustments shall be made commencing from the date the overcharge situation occurred.

(2C) The Commission may not allow any retrospective adjustment where—

(a) the undercharged situation was due to the negligence or wrongdoing of the licensee; or

(b) the overcharged situation was due to the negligence or wrongdoing of the consumer.

(2D) Any retrospective adjustment made under subregulation (2) shall not be included in the bill issued to the consumer.”;

(d) in subregulation (3), by substituting for the word “energy” the word “electricity”;

(e) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(3A) This regulation shall not apply to any case or situation relating to offences under subsection 37(1), (3) or (14) or section 38 of the Act.”; and

(f) in subregulations (4), (5) and (6), by inserting after the word “tariff” wherever appearing the words “and charge”.

Amendment of regulation 12

13. Regulation 12 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “determined by the licensee” the words “determined by the Commission”;

- (b) in subregulation (2), by substituting for the words “more than three per cent” the words “less than negative three per cent and more than three per cent”; and
- (c) in subregulation (3), by substituting for the word “energy” the word “electricity”.

Amendment of regulation 13

14. Regulation 13 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1)—
 - (i) by inserting after the words “registered owner of” the words “any land,”; and
 - (ii) by inserting after the words “a space,” the words “any area of land,”;
- (b) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Any installation placed by the licensee under subregulation (1) shall be the responsibility of the licensee.”; and
- (c) in subregulation (2), by substituting for the words “High Tension or Low Tension mains” the words “high voltage, medium voltage or low voltage mains”.

New regulation 13A

15. The principal Regulations is amended by inserting after regulation 13 the following regulation:

- | | |
|--|--|
| <p>“Prepaid meter, smart meter and telemetering.</p> | <p>13A. (1) When a prepaid meter is installed in a consumer’s premises, the licensee shall ensure that the</p> |
|--|--|

prepaid meter is able to alert the consumer once the prepaid balance has reached a minimum threshold.

(2) Unless the consumer makes a payment to the licensee to continue the supply of electricity, the licensee may discontinue the supply of electricity at the consumer's premises after the purchased unit or credit has been fully utilized and the allowable emergency unit or credit has been exhausted without any further notice.

(3) The licensee shall charge the consumer for the supply of electricity after the day the purchased unit or credit has been fully utilized until the supply of electricity is discontinued.

(4) The charge referred to in subregulation (3) shall be included to the unit or credit purchased by the consumer during reconnection of the supply of electricity.

(5) In the case of a smart meter or a meter installed with telemetering functions, the licensee shall—

(a) ensure that no changes are made to the metrology of the smart meter or meter installed with telemetering functions via the communications system;

(b) be responsible for maintaining the integrity of all data that are communicated and stored to the data centre within the system;

- (c) ensure that the register display on the smart meter or meter installed with telemetering functions allows the consumer to validate his electricity consumption;
- (d) ensure the security of the data; and
- (e) ensure that the remote discontinuation process is performed appropriately with a proper notification to consumers as required under the Act.”.

Amendment of Schedule

16. The Schedule to the principal Regulations is amended by substituting for Form A the following form:

“Form A

[Subregulation 6A(1)]

MALAYSIA

STATE OF

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990

To:

.....
.....

Sir/Madam/Ms/Messrs,

**NOTICE OF DISCONNECTION OF SUPPLY OF ELECTRICITY UNDER
SUBSECTION 38(1) OF THE ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990**

Take notice that on (date) at (time),
an inspection had been done to our installation at your premises. From the inspection,
we noticed that the installation had been tampered or modified in ways and manner
stated as follows:

.....
(state the *modus operandi* of the offences)

Based on the evidence above, we are of the opinion that an offence had been committed
under the Electricity Supply Act 1990 (“the Act”) as follows:

- Subsection 37(1)*

☐ tampers with or adjusts any installation or part thereof or manufactures or
imports or sells any equipment so as to cause or to be likely to cause
danger to human life or limb or injury to any equipment or other property;

- Subsection 37(3)*

In any manner dishonestly—

☐ abstracts electricity;

☐ consumes electricity;

☐ uses electricity;

☐ alters the index of any meter or other instrument used on or in connection
with any installation of any supply authority or any
licensed installation for recording the output or consumption of
electricity; or

☐ prevents any such meter or instrument from duly recording the
output or consumption of electricity;

- Subsection 37(14)*

☐ damages or removes any meter or other instruments used on or in connection with any licensed installation for recording the output or consumption of electricity;

Please take note that under subsection 38(1) of the Act, you are hereby given a notice that the supply of electricity in the above premises shall be disconnected on (date) at (time).

A reconnection of the supply of electricity in relation to the disconnected supply of electricity will be done to the said premises on(date) at (time).

Please also take note that we will claim any losses and expenses incurred by us due to the offences done as mentioned above. We will issue a statement of claims to you in due course of time.

Name of Licensee :
Address :
.....
.....
Dated :

*Tick ☒ for relevant offence/offences.”.

Made 2 September 2025
[PETRA.BBE.100-1/3/2 JILID.1(4)(S); PN(PU2)486/JLD.8]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Energy Transition and Water Transformation